AUTHOR: No author available SECTION: BISNES AUDIENCE : 82,252 PAGE: 24 PRINTED SIZE: 209.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,968 WORDS: 316
ITEM ID: DP0122576133



20 NOV, 2026

Firma AS bekal arang batu kepada unit TNB

Berita Harian (MY), Malaysia

Firma AS bekal arang batu kepada unit TNB

Syarikat tenaga dan perlombongan Amerika Syarikat (AS), Navajo Transitional Energy Company (NTEC) menandatangani perjanjian selama tiga tahun bernilai AS$100 juta untuk membekalkan arang batu dari lombongnya di selatan Montana kepada anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB), iaitu TNB Fuel Services Sdn Bhd, demikian diumumkan Rumah Putih.

Ia adalah sebahagian daripada langkah AS untuk mengeratkan lagi hubungan dengan Malaysia.

Presiden Donald Trump membuka pasaran baharu untuk barangan AS dan mewujudkan peluang kepada syarikat negara itu, menurut Washington dalam kenyataan di laman webnya semalam.

Menurutnya, lawatan Trump selama dua hari ke Filipina untuk Lawatan Negara dan Sidang Kemuncak ASEAN ke-49 berakhir kelmarin dalam negara itu terus menyokong pekerjaan di AS dan memperkukuh kepimpinan diplomatik AS di rantau Indo-Pasifik.

"Presiden Trump dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengumumkan bahawa sebuah konsortium AS akan membangunkan infrastruktur awan Super Intelligence (SI) untuk kerajaan Malaysia melalui program US-ASEAN SI SPARK," menurutnya.

Trump turut mengumumkan perjanjian komersial dan pelaburan strategik bernilai lebih AS$17 bilion untuk syarikat AS yang akan menyokong puluhan ribu pekerjaan di AS, memperkukuh keselamatan serantau yang melindungi AS daripada aktiviti menyalahi undang-undang dan menyokong rantau Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka, sekaligus memberi manfaat ekonomi kepada syarikat, pekerja dan pengguna AS.

Perkembangan serantau lain termasuklah cadangan projek bernilai AS$2 bilion melibatkan syarikat AS, Latitude Energy dan dana kekayaan berdaulat Indonesia, Danantara untuk meningkatkan penggunaan sumber arang batu Indonesia menggunakan teknologi AS.

Sementara itu, AS dan Thailand mengumumkan penyelesaian rundingan perjanjian perdagangan yang apabila ditandatangani, akan memansuhkan tarif ke atas 99 peratus barangan dan halangan bukan tarif terhadap pelbagai eksport AS.

Mengenai keselamatan serantau, AS memaklumkan pihaknya akan menyediakan pembiayaan ketenteraan asing sebanyak AS$400 juta kepada angkatan tentera Filipina bagi memperluas capaian operasi dan keupayaan pencegahannya di Laut China Selatan termasuk melalui sistem persenjataan jarak jauh, keupayaan pemerintahan dan kawalan, infrastruktur kritikal serta dron pelbagai domain. BERNAMA

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.